

Perpaduan dan Krisis Politik Melayu: Satu Analisis

Ilyas Abdullah

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Raub, Malaysia

Abstract

The issue of Malay political survival has been the topic of debate among the Malays since before Malaysia achieves independence. The Malay community is the dominant ethnic group in the socio-political framework of Malaysia. Any changes or threats to the Malay politics will affect the political development in Malaysia as a whole. This article discusses the political unity and crisis of the Malay. Studies on the Malay political survival should be regarded as a research that is relevant at all times in the Malaysian political sphere.

Keywords: Unity, Crisis, Malay Politics, Malay, Islam

Abstrak

Isu kelangsungan politik Melayu telah menjadi topik perbincangan di kalangan orang Melayu sejak sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi. Masyarakat Melayu merupakan kelompok etnik yang dominan dan utuh dalam kerangka sosio politik Malaysia. Sebarang perubahan atau ancaman yang berlaku ke atas politik masyarakat Melayu akan memberikan kesan kepada perkembangan politik di Malaysia secara keseluruhannya. Artikel ini membincangkan fasa perpaduan dan krisis politik orang Melayu. Kajian berkaitan kelangsungan politik orang Melayu haruslah dilihat sebagai satu penelitian yang relevan sepanjang masa dalam ruang lingkup politik Malaysia.

Katakunci: Perpaduan, Krisis, Politik Melayu, Melayu, Islam

PENGENALAN

Received: 10 January 2021

Accepted: 21 March 2021

Published: 30 June 2021

Dalam budaya politik Melayu, tradisi dan sejarah merupakan teras yang menunjangi elemen yang bersifat konservatif. Elemen seperti ketaatan, perpaduan, mempertahankan institusi beraja, agama Islam dan hak istimewa orang Melayu merupakan keterangkuman unsur konservatif yang diwarisi dan dipertahankan daripada sistem politik feudal Kesultanan Melayu. Konsep budaya politik seringkali dikaitkan dengan kewujudan satu rangkaian sikap, kepercayaan, emosi dan nilai yang mampu mempengaruhi serta menentukan orientasi dan sikap politik sesebuah masyarakat. Dalam masyarakat Melayu, kesetiaan menjadi salah satu unsur penting dalam pembentukan budaya politiknya. Ketaatan dan kesetiaan masyarakat Melayu kepada raja diperkukuhkan perkaitannya dengan Islam. Penentangan terhadap raja dan

institusinya dianggap sebagai suatu percubaan untuk mengancam kedudukan Islam dan Melayu. Dalam praktis politik moden, setiap parti yang memerintah harus memahami unsur tradisi yang terkandung dalam perlembagaan negara. Sebarang ancaman terhadap kepentingan Melayu-Islam akan menatijahkan penentangan dan kebangkitan politik dalam kalangan orang Melayu.

PERMASALAHAN KAJIAN

Perpaduan politik Melayu ternyata memberikan banyak kelebihan kepada pengukuhan kelangsungan politik Melayu. Sebarang ancaman terhadap kepentingan Melayu-Islam sering kali mendapat perhatian di kalangan ahli politik daripada parti bertunjangkan Melayu khususnya UMNO dan PAS. Perpaduan politik Melayu turut menempa pelbagai kejayaan dalam mendepani setiap ancaman. Perbincangan berkenaan perpaduan politik Melayu memperlihatkan tahap keprihatinan mengenai masa depan politik Melayu. Walau bagaimanapun, perpaduan politik Melayu ini sentiasa juga berhadapan dengan krisis pasca perpaduan. Hal ini membuktikan bahawa perpaduan politik Melayu berlaku mengikut persekitaran politik dan juga personaliti kepimpinan politik Melayu semasa. Dalam banyak keadaan, pemimpin politik Melayu dilihat sering meletakkan sandaran terhadap kepentingan Melayu-Islam sebagai mekanisme pengukuhan hagemoni.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kajian perpustakaan merupakan kaedah utama yang digunakan dalam kajian ini. Maklumat kajian ini diperolehi melalui buku, jurnal, dokumen dan juga rekod-rekod rasmi tertentu yang berkaitan dengan kajian. Teknik ini merupakan kaedah paling popular bagi penyelidikan yang menggunakan maklumat dan kutipan premis lama yang semestinya memerlukan suatu perolehan maklumat yang bersifat menyeluruh. Justeru, kajian perpustakaan dalam kajian ini digunakan secara intensif.

KONSEP PERPADUAN POLITIK

Perpaduan atau kerjasama politik boleh ditafsirkan sebagai satu bentuk kepercayaan elit-elit politik daripada beberapa parti terhadap suatu matlamat untuk memberikan impak yang besar terhadap hubungan atau interaksi yang akan terhasil

kesan daripada kerjasama yang dibentuk. Elit-elit politik yang terlibat saling memperkukuh kuasa antara satu sama lain bagi mencapai matlamat. Selain itu, setiap pimpinan tertinggi parti juga harus bersedia untuk terlibat dalam menilai segala percanggahan ideologi atau idea yang wujud dan bertindak mencari penyelesaian sebagai pemangkin kepada pembentukan kerjasama. Setiap parti yang terlibat dalam kerjasama perlu menerima pandangan dan asas kepercayaan yang sama. Asas kepercayaan ini merujuk kepada keyakinan terhadap idea yang dikemukakan oleh pimpinan parti lain dan kemudiannya mampu mempengaruhi pihak yang lain untuk turut sama bersetuju.

Hal ini dapat dilihat berlaku dalam beberapa fasa perpaduan politik Melayu apabila ancaman terhadap kepentingan Melayu-Islam sering menjadi titik temu kepada perpaduan atau kerjasama politik Melayu sejak sebelum kemerdekaan sehinggalah kepada pasca pilihanraya umum ke-14.

Konsep Krisis Perpaduan Politik

Krisis perpaduan politik dapat ditafsirkan sebagai ketidakmampuan elit-elit politik untuk bekerjasama dalam menjalankan kerjasama serta tidak mampu untuk mencapai matlamat secara bersama. Walau bagaimanapun, perpecahan ini bukan sahaja berlaku akibat daripada perbezaan politik, sebaliknya kerana persaingan dalam mendapatkan pengaruh serta persaingan untuk mengaut kekayaan ekonomi negara (Suhana, et.al, 2012). Perpaduan politik yang lemah boleh membawa keruntuhan dan perpecahan. Perpecahan juga menyebabkan suara dan kuasa kepada teras kekuatan pentadbiran negara tidak lagi menjadi milik mutlak orang Melayu. Krisis perpaduan politik Melayu juga telah berlaku dalam tiga fasa yang utama iaitu pra-merdeka, pasca pilihanraya umum tahun 1969 dan juga pasca pilihanraya umum ke-14. Faktor yang membawa kepada krisis politik disebalik perpaduan yang dijalin ialah persaingan merebut pengaruh di kalangan parti-parti politik Melayu. Perpecahan dan pergolakan politik di kalangan orang Melayu yang gagal ditangani akan melambatkan proses pemerkasaan politik, ekonomi dan juga sosial orang Melayu.

Perpaduan dan Krisis Politik Melayu Pra Merdeka

Penjajahan Jepun menyaksikan berlakunya perubahan dalam aspek berpolitik di kalangan masyarakat Melayu. Kemunculan beberapa pertubuhan bercorak politik telah

menyemarakkan lagi semangat nasionalisme di kalangan masyarakat Melayu menentang penjajahan. Kekalahan Jepun dalam perang dunia kedua menyaksikan British kembali menguasai politik dan pentadbiran di Tanah Melayu. Tindakan British menubuhkan Malayan Union dengan cara mendapatkan persetujuan daripada raja-raja Melayu melalui paksaan menyebabkan masyarakat Melayu bangkit menentang dengan mengadakan beberapa siri bantahan. Hal ini kerana tindakan British menubuhkan Malayan Union dilihat sebagai satu bentuk ancaman terhadap institusi beraja, Islam dan juga Melayu. Dalam kebudayaan Melayu, raja mendapat kedudukan yang sangat istimewa dalam sistem sosial masyarakat Melayu. Raja bukan sahaja dianggap sebagai pemimpin, bahkan turut berperanan sebagai ketua agama Islam dan juga pelindung kepada hak dan kedudukan masyarakat Melayu.

Pengenalan Malayan Union merupakan permulaan kepada perpaduan politik masyarakat Melayu. Dengan munculnya UMNO lanjutan daripada gerakan masyarakat Melayu menentang Malayan Union, semua persatuan-persatuan Melayu telah dibubar dan bergabung dengan UMNO. Sebelumnya, politik masyarakat Melayu juga berhadapan dengan krisis melibatkan pergerakan Kaum Tua dan Kaum Muda. Konflik pandangan yang wujud di antara kedua-dua golongan ini adalah kesan daripada tindakan Kaum Muda yang cuba menyusun usaha baru dengan membawa idea nasionalis bagi mengatasi masalah masyarakat Melayu. Kaum Tua pula cuba mempertahankan nilai tradisi budaya klasik yang lebih ortodoks dengan memberikan keutamaan kepada aspek keagamaan sehingga mengetepikan aspek keduniaan. Kaum Tua terdiri daripada ulama, guru agama, imam dan kadi yang dilantik oleh raja. Konflik ini wujud berikutan raja-raja Melayu dan ulama yang konservatif masih mengharapkan British sebagai pelindung kepada ancaman luar (Jamaie, 2005).

Dalam usaha menentang Malayan Union, UMNO dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) telah bekerjasama. Kemuncak kemarahan dan reaksi masyarakat Melayu, perhimpunan besar-besaran telah diadakan di seluruh Tanah Melayu. Kesannya, British telah menubuhkan sebuah jawatankuasa dan membuat syor bagi mengadakan pilihan raya di peringkat persekutuan. Perpaduan politik masyarakat Melayu ini telah berjaya menubuhkan Malayan Union yang dilihat sebagai ancaman kepada kepentingan Melayu-Islam. Walau bagaimanapun selepas Malayan Union ditubuhkan, UMNO dan PKMM kembali berkekrisis. Perpecahan tersebut adalah berkait dengan soal lambang bendera dan dasar parti (Ahmad Boestaman, 1972).

PKMM tidak menerima perjuangan UMNO untuk mengembalikan status quo Melayu sementara PKMM berjuang untuk mencapai kemerdekaan bagi Tanah Melayu.

Perpecahan itu mewujudkan suasana tegang antara penyokong kedua-dua pihak. Terdapat sebilangan penyokong UMNO yang melabel PKMM sebagai Parti Komunis Melayu Malaya manakala penyokong PKMM pula melabel UMNO sebagai alat pemerintah British. Percubaan PKMM untuk mewujudkan satu pergerakan massa tidak berjaya kerana diharamkan oleh British. Pengharaman tersebut dilakukan ekoran PKMM dituduh bekerjasama dengan Parti Komunis Malaya yang berjuang untuk menumbangkan pemerintahan British. Pengharaman PKMM merupakan rahmat yang terselindung kepada UMNO.

Perpaduan dan Krisis Politik Melayu Pasca 13 Mei 1969

Dalam pilihan raya tahun 1969, tindakan beberapa buah parti politik yang berkempen secara terlalu agresif menjadikan pilihan raya pada tahun 1969 berlangsung dalam suasana yang agak tegang. Parti Tindakan Rakyat (DAP) yang lantang memperjuangkan sentimen hak sama rata menimbulkan kekecewaan dalam kalangan masyarakat Melayu. Keadaan tersebut menyebabkan masyarakat Melayu berbelah bahagi terhadap keupayaan Tunku Abdul Rahman dalam memimpin negara. Kepimpinan UMNO di peringkat pusat juga turut menerima tekanan daripada pengundi Melayu-Islam. Selain itu, UMNO turut menerima desakan daripada PAS yang mendakwa Tunku Abdul Rahman sebagai individu yang tidak berpegang kepada prinsip Islam apabila mengekalkan perlembagaan yang digubal pada tahun 1956.

Keputusan pilihan raya tahun 1969 menyaksikan parti pembangkang mendapat pertambahan kerusi parlimen dengan begitu mendadak. Parti Perikatan berjaya memperolehi 74 kerusi parlimen, PAS telah memenangi 12 kerusi parlimen manakala DAP berjaya menguasai 13 kerusi parlimen diikuti Parti Gerakan sebanyak 8 kerusi serta Parti Progresif Penduduk yang turut berjaya memenangi 4 kerusi parlimen (Mohd Hasbie, 2014). Kegagalan UMNO mempertahankan unsur teras dalam budaya politik Melayu khususnya soal untuk menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi kedua negara. Tindakan UMNO tersebut bertujuan untuk membuka ruang supaya politik negara tidak dilihat oleh kaum bukan Melayu sebagai tidak demokrasi. Bagaimanapun niat tersebut tidak dapat diterima oleh masyarakat Melayu. Tindakan tersebut dianggap sebagai merugikan hak dan ketuanan Melayu di Malaysia (Zainal, 1971). Selain itu, isu

penarikan Singapura daripada Persekutuan Malaysia turut menjadi modal kempen PAS untuk menyerang kerajaan. PAS menganggap bahawa kerajaan terlalu bertolak ansur dengan kaum Cina (Vasil, 1972).

Berdasarkan situasi politik pada ketika itu yang dilihat menggugat kepentingan Melayu-Islam, satu perjanjian di antara Kerajaan Perikatan khususnya UMNO dengan PAS telah dimeterai demi kepentingan Melayu-Islam. Perjanjian ini membawa kepada perkongsian kuasa pemerintahan di antara UMNO dan PAS. Penyertaan PAS dalam kerajaan amat diperlukan memandangkan kemampuan parti tersebut mendapatkan sokongan besar pengundi Melayu dalam pilihan raya tahun 1969. Pada tahun 1972 UMNO dan PAS telah berjaya menubuhkan kerajaan campuran di semua peringkat (Means, 1967). Keputusan pilihan raya tahun 1969 menyedarkan masyarakat Melayu akan kepentingan ketuanan politik Melayu. Justeru bersandarkan kepada kesedaran tersebut, agenda perpaduan politik Melayu telah digerakan melibatkan dua parti politik Melayu utama iaitu UMNO dan PAS. Perpaduan tersebut telah mengubah scenario politik Melayu setelah kedua-dua parti tersebut bersetuju untuk menjalinkan permuafakatan politik bagi menjamin kestabilan politik negara, ketuanan Melayu serta kedudukan Islam.

Pilihan raya tahun 1974 menyaksikan tahun kesepaduan politik Melayu. Perpaduan tersebut berjaya memberikan kemenangan besar kepada BN (sebelumnya Perikatan). Selain itu, penyertaan PAS dan UMNO dalam kerajaan juga berjaya mengurangkan ketegangan politik masyarakat Melayu selain mewujudkan satu budaya politik yang tenang di Malaysia. Perpaduan ini telah banyak memberikan manfaat kepada kepentingan Melayu. BN juga telah bertegas untuk terus memdaulatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tunggal negara. Projek pembinaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menjadi bukti kesungguhan BN dalam memartabatkan Bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, kerjasama yang terjalin ini juga menemui titik noktahnya. Dalam Pilihan Raya Umum tahun 1978, PAS kembali berkonflik dengan UMNO sehingga berlakunya penyingkiran PAS daripada BN. Pemerintahan Tun Hussein Onn dikatakan tidak begitu mesra terhadap PAS. Sebahagian besar ahli PAS juga tidak berpuas hati dengan BN yang didakwa menghalang PAS daripada meluaskan agenda Islamnya. Selain itu, PAS turut dikatakan telah menyalahgunakan kuasa dan jawatan yang diperuntukkan dalam kerajaan untuk berkempen dan mempopularkan PAS dengan

menarik kakitangan kerajaan untuk menjadi ahlinya. PAS turut giat menubuhkan cawangan parti tersebut di Pahang.

Tindakan PAS meluaskan pengaruh di kawasan Tanah Rancangan FELDA yang didominasi oleh UMNO menjadi faktor yang menyebabkan hubungan kedua-dua parti tersebut menjadi renggang. Perasaan curiga yang wujud antara UMNO dan PAS berterusan sehingga mencetuskan krisis politik di Kelantan. Krisis politik di Kelantan adalah berkait dengan isu perlantikan Menteri Besar. Tun Razak menolak keputusan PAS yang menamakan Wan Ismail Bin Wan Ibrahim sebagai Menteri Besar Kelantan selepas pilihan raya tahun 1974. UMNO menolak pencalonan tersebut tetapi menamakan Muhammad Nasir sebagai calon Menteri Besar. UMNO turut enggan menerima sebarang calon lain selain Muhammad Nasir.

Bagaimanapun PAS terpaksa bersetuju untuk menerima calon yang dikemukakan oleh UMNO demi menjaga perpaduan dan kepentingan BN. Tindak-tanduk Muhammad Nasir yang mesra UMNO berbanding PAS melahirkan rasa kecewa PAS yang mempunyai kerusi majoriti di DUN Kelantan sehingga mewujudkan kumpulan dalam PAS iaitu Kumpulan Asri Muda dan Kumpulan Muhammad Nasir. Muhammad Nasir akhirnya berjaya digulingkan menerusi usul undi tidak percaya oleh 20 ADUN dari PAS. Akibatnya darurat diisytiharkan di Kelantan dan PAS disingkirkan dari BN kerana enggan untuk mematuhi Rang Undang-Undang Darurat (Russli Kamarudin 1995: 139-140). Hal ini menyebabkan Majlis Tertinggi Barisan Nasional mengambil keputusan menyingkirkan PAS daripada BN dalam satu persidangan pada 13 Disember 1977. Penyingkiran PAS daripada BN menjadikan persaingan politik di antara UMNO dan PAS kembali tegang (Russli Kamarudin 1995).

Perpaduan dan Krisis Politik Melayu Pasca Malaysia Baharu

Perpaduan politik Melayu sekali lagi dijalin pasca pilihan raya ke-14. Pilihan raya umum (PRU) ke-14 telah mencatat sejarah dalam politik kepartian di Malaysia. Buat pertama kalinya selepas negara mencapai kemerdekaan, tampuk kekuasaan negara diambil alih oleh satu kuasa gabungan baru iaitu Pakatan Harapan (PH). Sokongan rakyat kepada PH adalah bersandarkan bahawa parti tersebut mampu membawa perubahan baru kepada tadbir urus negara. Walau bagaimanapun, setelah 22 bulan pemerintahan PH, keadaan politik negara masih lagi hangat dan terus meresahkan apabila kestabilan ekonomi negara terus mendapat perhatian dan kritikan yang

berterusan daripada rakyat. Kegagalan PH menunaikan sebahagian besar janji dalam manifesto terus mengundang kritikan terhadap PH. Krisis dalaman PH sampai ke kemuncak apabila beberapa pemimpin kanan PKR dan BERSATU telah bertindak meninggalkan pakatan tersebut seterusnya bersama UMNO, PAS dan beberapa gabungan parti lain di Sarawak membentuk satu gabungan kerajaan yang baru tanpa melalui pilihan raya. Harapan rakyat untuk melihat pembaharuan politik dan pentadbiran negara di zaman PH pudar apabila timbul pelbagai isu. Kemelut politik dalaman PH menyumbang kepada tumbanganya kerajaan “Malaysia Baharu” selain isu ketegangan kaum dan juga polemik berkaitan jawatan Perdana Menteri (Ilyas, 2021).

Ketegangan dan isu kaum banyak mewarnai pentadbiran PH. Isu tersebut gagal ditangani dengan baik menyebabkan wujudnya jurang ketegangan antara kaum seperti isu rusuhan di sebuah kuil di Seafield Subang Jaya sehingga mengakibatkan kematian seorang anggota bomba. Selain isu kaum, isu berkaitan pendidikan turut hangat diperdebatkan seperti penerimaan Unified Examination Certificate (UEC) dan juga pengenalan seni khat dan tulisan Jawi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tahun empat. Tindakan beberapa ahli politik daripada DAP yang mengeluarkan kenyataan berbaur perkauman dengan mendakwa serangan ke atas kuil didalangi oleh kumpulan Islam telah mencetuskan suasana yang kurang harmoni. Selain itu, tindakan Peguam Negara yang melepaskan beberapa suspek berkait dengan kematian anggota bomba turut memarakan lagi ketegangan kaum (Mohammad Tawfik, 2020).

Penularan isu perkauman yang tidak terkawal ternyata meresahkan masyarakat Melayu dan juga kedudukan Islam. Ekosistem politik perkauman di era pemerintahan PH yang tidak terkawal telah meningkatkan sokongan masyarakat Melayu kepada parti politik yang berbasiskan perjuangan Melayu-Islam iaitu UMNO dan PAS. Penolakan secara terbuka oleh Gerakan Cauvinis terhadap pelaksanaan tulisan Khat dan Jawi telah menghakis sokongan masyarakat Melayu terhadap PH. Imej PH yang sarat dengan isu perkauman menyebabkan parti tersebut kalah dalam banyak siri pilihan raya kecil pasca PRU ke-14. PH juga gagal menangkis ketakutan masyarakat Melayu yang sering melihat bahawa DAP sedang menguasai kerajaan. Isu seperti perhimpunan LGBT, ICERD, paparan lambang salib setinggi bangunan, pendedahan video berkaitan gerakan Kristianisasi pasca kekalahan BN, pengajuran October Fest merupakan antara isu-isu yang mengancam kepentingan Melayu-Islam. Pemerintahan PH sampai ke kemuncak apabila beberapa pemimpin kanan PKR dan BERSATU telah bertindak meninggalkan pakatan tersebut seterusnya bersama UMNO, PAS dan beberapa gabungan parti lain di

Sarawak membentuk satu gabungan kerajaan yang baru tanpa melalui pilihan raya atas alasan memperkukuhkan politik Melayu-Islam.

Walaupun gabungan ini masih baru dibentuk, namun bibit-bibit awal kepada kemelut politik Melayu telah mula kelihatan. Hubungan terbentuk adalah persefahaman menstabilkan politik negara susulan kemelut politik dicetuskan kelompok elit tertentu daripada dalam dan luar PH. UMNO turut bertegas bahawa ia tidak mempunyai sebarang ikat janji dengan mana-mana parti lain dalam PN, termasuklah BERSATU dan Gabungan Parti Sarawak (GPS). Namun, UMNO mempunyai kerjasama teratur dengan PAS untuk membentuk gabungan mantap bagi memenangi pilihan raya. Dua parti ini mempunyai kekuatan seimbang di negeri majoriti Melayu seperti Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis. Cabaran mungkin berlaku dalam soal pembahagian kerusi menjelang pilihan raya. PAS turut membuat perkiraan untuk bertanding di 40 kawasan Parlimen merangkumi negeri majoriti Melayu. Pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah, tiada ruang diberikan kepada parti itu disebabkan faktor landskap politik yang dikira tidak begitu mesra kepada parti itu. PAS turut bertegas supaya rakan komponen PN turut bertolak ansur soal pembahagian kerusi dalam PRU-15 nanti. UMNO, PAS dan BERSATU mempunyai segmen pengundi sama, iaitu Melayu-Islam.

Justeru, kemungkinan untuk berlaku bibit konflik pasti wujud. PN masih gabungan yang rapuh. Memandangkan setiap parti ada kekuatan hampir setara, elemen memampas tidak lagi berkesan bagi meredakan persaingan sesama rakan komponen. Sekiranya terdapat mana-mana parti memilih jalan keluar daripada gabungan, maka PN mungkin runtuh seperti runtuhnya PH (Ilyas Abdullah, 2020).

KESIMPULAN

Setiap parti yang menubuhkan kerajaan harus mendukung unsur tradisi yang telah termaktub di dalam perlembagaan. Sebarang usaha menggugat hak dan kepentingan Melayu-Islam akan menatijahkan kepada ketidakstabilan politik negara. Hal ini kerana masyarakat Melayu merupakan kumpulan etnik terbesar di Malaysia. Sebarang perubahan yang berlaku ke atas politik Melayu akan turut mengubah landskap politik Malaysia secara keseluruhannya. Sejarah telah merekodkan bahawa perpaduan politik Melayu telah berlangsung sebanyak tiga kali sejak daripada penentangan terhadap Malayan Union sehinggalah kepada pasca PRU ke-14. Faktor perpaduan

politik Melayu dapat dilihat sekiranya berlakunya ancaman terhadap kepentingan Melayu-Islam samada secara langsung atau secara terselindung.

Walaupun bagaimanapun, perpaduan politik Melayu juga mudah terlerai apabila ancaman terhadap kepentingan Melayu-Islam tidak lagi mengambil tempat. Politik Melayu boleh disifatkan sebagai mudah bersatu tetapi cepat terlerai. Ancaman terhadap kepentingan Melayu-Islam sering dijadikan sandaran bagi menarik sokongan orang Melayu. Hal ini kerana orang Melayu begitu sensitif terhadap perkara yang berkait dengan elemen bangsa dan agama. Perkara ini bukanlah asing dalam budaya politik orang Melayu yang sudah sebatang dengan budaya politik feudal dan neofeudal. Pemimpin Melayu sering mengandaikan diri dan partinya sebagai pelindung kepada kepentingan Melayu-Islam. Dalam masa yang sama juga pemimpin politik Melayu menggunakan alasan tersebut untuk terus mengukuhkan hegemoninya dalam politik. Hal ini terbukti apabila perpaduan politik yang terjalin hanya bertahan dalam tempoh yang singkat. Alasan melindungi kepentingan Melayu-Islam seolah-olah menjadi satu retorik sekadar untuk meraih sokongan orang Melayu dalam pilihanraya semata-mata.

RUJUKAN

- Ahmad Boestaman, 1972. Dr. Burhanuddin Putera Setia Melayu Raya. Pustaka Kejora: Kuala Lumpur.
- Ilyas Abdullah, 2020. Bersaing dalam Muafakat Sukarkan Laluan PN. Berita Harian, 4 Oktober 2020.
- Ilyas Abdullah, 2021. Amalan Elit Politik Masih di Takuk Lama. Berita Harian, 7 Januari 2021.
- Jamaie Hamil, Mohd Mahadee, Nidzam, Suzanna & Zaini, 2005. Budaya Politik Melayu: Kesenambungan dan Perubahan. Dlm. Sity Daud & Zarina Othman (pnyt). Politik Dan Keselamatan. Bangi: Universiti Kebangsaan.
- Means, G.P., 1967. Malaysian Politics: The Second Generation. Singapore: Oxford University Press.
- Mohammad Tawfik Yaakub, 2020. Dua Era Kerjasama Politik UMNO-PAS: Bermula Cita-cita Berakhir di Putrajaya. Shah Alam: MTHAR Enterprise.
- Mohd Hasbie Muda, 2014. PAS dan Pilihan Raya: Analisis Pencapaian Parti Islam SeMalaysia Dalam Pilihan Raya Umum (1959-2013). Petaling Jaya: Megamind Leadership Consultancy.

- Russli Kamarudin, 1995. Perkembangan Politik PAS di Kelantan: Satu Tinjauan. Dlm. Mohd Agus Yusoff (pnyt). Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan 1955 Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suhana Saad, et.al, (2012). Krisis Politik Melayu dan Pembinaan Negara Bangsa: *Malaysia Journal of Society and Space*, vol. 9 (39-45).
- Vasil, R. K., 1972. The Malaysian General Election of 1969. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Zainal Abidin Wahid, 1971. Sejarah Malaysia Sa-Pintas Lalu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.